



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

REBUT INSENTIF DISKAUN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN SEBELUM 31 MAC 2024

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada semua peminjam PTPTN yang telah membuat bayaran balik pinjaman sekali gus menikmati insentif diskaun yang diberikan. Bagi tempoh 14 Oktober 2023 hingga 31 Januari 2024, seramai lebih 394,000 peminjam telah menikmati insentif diskaun ini dengan jumlah diskaun yang telah diberikan sebanyak RM57.78 juta melibatkan kutipan bayaran balik yang layak diskaun berjumlah RM442.09 juta .

2. Terdahulu, melalui pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023, Kerajaan telah bersetuju pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman sehingga 15 peratus bermula 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024 meliputi tiga (3) kategori seperti berikut:
 - i) Diskaun 10 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
 - ii) Diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
 - iii) Diskaun 15 peratus untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual.

3. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, "PTPTN mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan di atas pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN yang memberikan manfaat kepada peminjam PTPTN. Justeru, saya menyeru kepada peminjam PTPTN untuk merebut peluang menikmati insentif diskaun yang telah disediakan ini sehingga 31 Mac 2024."

4. "Komitmen peminjam yang membuat bayaran balik amatlah dihargai demi kelangsungan dana pinjaman pendidikan kepada anak-anak generasi akan datang sekaligus memastikan tiada pelajar yang gagal memasuki Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) disebabkan masalah kewangan. Dengan pelbagai usaha dan pendekatan mesra yang dilaksanakan oleh PTPTN, diharapkan para peminjam mengambil peluang untuk membuat bayaran balik dan tampil berbincang dengan PTPTN sekiranya terdapat sebarang kemasukan kerana PTPTN sedia membantu. PTPTN juga telah menyediakan pelbagai saluran bayaran balik bagi memudahkan peminjam membuat bayaran balik termasuk melalui aplikasi myPTPTN yang lebih mudah, cepat dan selamat," tambah beliau lagi.

5. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam boleh menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- *Careline* PTPTN di 03 – 2193 3000
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, Jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di portal PTPTN (www.ptptn.gov.my)
- E-AduanPTPTN (<https://eaduan.ptptn.gov.my/>)
- Eksekutif Jualan PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>)
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional